

Headline	TNB hasil 958 PPVB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	243 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,408		



Inisiatif berterusan bangunkan bumiputera

TNB hasil 958 PPVB

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
dan **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Program Pembangunan Vendor Bumiputera (PPVB) anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) mampu membangunkan usahawan tempatan dalam industri tenaga dan telah berjaya membimbing 958 syarikat berkaitan.

Sebanyak 958 syarikat yang telah dilantik di bawah program tersebut terdiri daripada syarikat yang terlibat dalam sektor produk, kerja dan perkhidmatan, vendor pilihan, syarikat panel dan rakan niaga strategik.

Program yang bermula sejak tahun 1994 itu sehingga kini telah menghasilkan 10 syarikat yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Inisiatif TNB itu selaras dengan Pelan Induk Industri Negara yang bermatlamat menggalakkan pertumbuhan syarikat tempatan dalam bidang perindustrian.

Presiden Persatuan Usahawan Tenaga Malaysia (PUTM), Datuk Ab. Rahim Abu Bakar berkata, setakat ini, program berkenaan sudah membantu usahawan bumiputera dengan nilai kontrak terkumpul melebihi RM7 bilion serta mewujudkan lebih kurang 10,000 peluang pekerjaan.

Katanya, berikutan perkembangan positif program itu, hampir 90 peratus daripada produk untuk kegunaan bahagian pembahagian TNB kini dihasilkan di dalam negara oleh syarikat tempatan berbanding diimport sepenuhnya sebelum ini.

"Ini jelas membuktikan keberkesanan program selain bertujuan mengembangkan perniagaan usahawan tempatan sekali gus mengurangkan pengaliran keluar wang negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di

sini baru-baru ini.

PUTM ditubuhkan pada 1997 bertujuan mewakili usahawan di-

lantik atau vendor-vendor oleh TNB untuk melaksanakan kontrak yang telah mereka agihkan.

Program itu turut memainkan peranan penting dalam membantu TNB menyelaras dan melaksanakan inisiatif berdasarkan strategi yang telah dibangunkan bagi memastikan usahawan terbabit kekal relevan dan berdaya saing di peringkat global.

Tambah Ab. Rahim, program pembangunan vendor bumiputera ini juga dapat memantau perkembangan usahawan-usahawan vendor supaya lebih berdaya saing dan dapat memenuhi kualiti bagi menembusi pasaran antarabangsa.

"Syarikat-syarikat vendor ini akan dibawa ke pameran-pameran antarabangsa dan didedahkan dengan peluang misi dagangan ke

luar negara sekurang-kurangnya tiga kali setahun," ujarnya.

Jelasnya, syarikat-syarikat vendor ini boleh mendapatkan khidmat rundingan atau nasihat melalui PUTM, sekiranya mempunyai masalah.

Katanya, masalah-masalah di kalangan syarikat vendor adalah seperti mencari peluang pasaran dan ruang permintaan yang tidak bertindih.

“Setakat ini, program berkenaan sudah membantu usahawan bumiputera dengan nilai kontrak terkumpul melebihi RM7 bilion serta mewujudkan lebih kurang 10,000 peluang pekerjaan

AB. RAHIM ABU BAKAR
Presiden Persatuan Usahawan Tenaga Malaysia

Headline	TNB hasil 958 PPVB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	243 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,408		



AB. RAHIM ABU BAKAR